



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURUGAMBAR TINGKAT II (D.1 EB.2-3)
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**JURUGAMBAR TINGKAT II
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
D.1 EB.2-3 (\$530-\$1,125 EB KHAS \$1,170-\$1,350 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan yang sebanding.

ATAU

- b) BDTVEC National Trade Certificate Grade 2 (BDTVEC NTC 2) dalam bidang yang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Kebolehan yang luar biasa dalam jurusan penggambaran seperti potret, *close-up*, *micro*, *copying* dan kerja-kerja memproses dan *printing* serta berkebolehan dalam membuat *caption* adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Merakam video dan mengambil gambar untuk bahan simpanan dan rujukan;
2. Membuat pendaftaran semua gambar-gambar untuk kemudahan perkhidmatan rujukan, penerbitan dan permintaan dari pihak-pihak tertentu melalui sistem pengkatalogan;
3. Membuat penyalinan semula gambar-gambar sama ada dalam bentuk *print*, CD-ROM, atau memuatnaik ke platform *online* menurut arahan dan permintaan;
4. Menghantar salinan gambar ke kedai untuk diproses serta diagihkan kepada pemohon, termasuk pengalbuman;



5. Bekerjasama dengan pihak berkenaan di Kementerian untuk memastikan gambar-gambar selaras dengan objektif dan keperluan Kementerian;
6. Menyelenggara dan mengurus arkib repositori digital secara sistematik bagi tujuan penyimpanan dan penyuntingan foto, video, dan audio rasmi aktiviti dan acara anjuran Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dalam pelbagai format;
7. Menyokong liputan mesyuarat antarabangsa anjuran Negara Brunei Darussalam; dan
8. Menyelenggara dan mengurus peralatan fotografi serta mengemukakan cadangan bagi keperluan peralatan.